

# Pesara kerajaan rugi RM1.84 juta ditipu 'Adam Wong'

Oleh SYALMIZI HAMID

**BALIK PULAU** – Seorang wanita warga emas di Bayan Lepas di sini berputih mata apabila kesemua wang simpanannya berjumlah RM1.84 juta lesap sekelip mata dipercayai ditipu sindiket Macau Scam.

Mangsa, pesara kerajaan berusia 76 tahun itu mula terjerat dalam penipuan berkenaan selepas menerima panggilan telefon di rumahnya daripada individu mendakwa dirinya dari Ibu Pejabat Pos Malaysia di Kuala Lumpur pada Jun lalu.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendant A.A. Anbalagan berkata, individu bernama Adam Wong itu memaklumkan kepada mangsa bahawa terdapat bungkusan yang dikirimkan olehnya dari Kepong, Selangor ke Kota Kinabalu, Sabah yang mengandungi barang larangan pos iaitu sekeping kad pengenalan dan lapan keping kat mesin pengeluaran wang automatik (ATM).

"Lelaki itu menasihati mangsa membuat laporan polis dan dia akan membantu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah selepas mangsa menafikan dia berbuat demikian."

"Mangsa kemudiannya menerima panggilan telefon dan



**ANBALAGAN**

bercakap dengan tiga individu mendakwa pegawai polis yang memberitahu dia didapati terlibat dalam kegiatan pengubahan wang haram berjumlah RM1.84 juta melalui akaun bank miliknya di Kota Kinabalu," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Menurut Anbalagan, mangsa yang ketakutan dan terjerat dengan sindiket itu bertindak membuat pemindahan wang melalui lima transaksi cek dalam tempoh kira-kira sebulan berjumlah RM1.84 juta kepada akaun diberikan suspek.

"Wanita itu telah mengeluarkan wang simpanannya daripada akaun Tabung Haji, wang pusaka

arwah ibunya, wang simpanan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan wang simpanan saham dengan membuat transaksi pertama berjumlah RM790,000 pada 23 Jun.

"Transaksi terakhir berjumlah RM200,000 telah dibuat pada 22 Julai lalu sehingga dia buntu selepas kehabisan wang. Suspek berterusan meminta duit daripadanya dengan alasan untuk tidak dikenakan tindakan undang-undang," katanya.

Katanya, mangsa telah menghubungi anaknya di Kuala Lumpur untuk meminta pertolongan, namun tidak memberitahu sebabnya kerana diarahkan suspek untuk merahsiakan perkara berkenaan.

"Anak mangsa berasa hairan apabila wanita itu meminta wang sedangkan mengetahui ibunya mempunyai wang yang cukup.

"Mangsa akhirnya menceritakan kejadian itu kepada anaknya sebelum dia disuruh membuat laporan polis kerana mengesyaki telah menjadi mangsa penipuan dan mengalami kerugian sebanyak RM1.84 juta," katanya.

Tambahnya, mangsa membuat laporan polis di Bayan Lepas pada Selasa lalu dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.